

Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil

The Good Values in Sang Kancil Stories

Atikah Mohd Noor¹, Sharil Nizam Sha'ri, PhD² & Rohaidah Kamaruddin, PhD³
rohaidah_k@upm.edu.my

| | |
|-----------------------------|----------------------|
| Terima 18 SEPTEMBER 2018 | Wasiat 7 MAC 2018 |
|-----------------------------|----------------------|

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan terhadap nilai murni yang diterapkan dalam cerita Sang Kancil sebagai pembentuk nilai akhlak dalam kalangan kanak-kanak atau generasi muda. Menyedari hakikat ini, pengkaji telah menjalankan satu kajian terhadap penerapan nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam cerita Sang Kancil dengan menggunakan Teori Kebaikan oleh Al-Ghazali. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa cerita Sang Kancil sarat dengan nilai murni dan pengajaran yang telah digarapkan. Cerita Sang Kancil sesuai untuk dibaca oleh kanak-kanak di samping membantu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak sejak dari kecil lagi. Hal ini dapat membentuk dan menjadikan kanak-kanak yang mempunyai nilai akhlak dalam diri mereka agar tidak melakukan perkara yang akan merosakkan diri mereka pada masa hadapan. Cerita Sang Kancil juga banyak memberikan pengajaran kepada masyarakat agar mengamalkan nilai murni. Oleh itu, nilai murni dalam setiap buku cerita kanak-kanak perlulah diterapkan untuk dijadikan sebagai tauladan. Cerita Sang kancil juga selaras dengan Teori Kebaikan Al-Ghazali (Farabi,1961).

Kata kunci: Nilai murni, pengajaran, cerita Sang Kancil, Gagasan Model Kebaikan dalam Aksi (VIA), Teori Kebaikan oleh Al-Ghazali

ABSTRACT

Research about good value in the story Sang Kancil as maker to moral value among children. Realising this fact, researcher had conducted a study on moral values inculcation and lesson that found in the story Sang Kancil by using Teori Kebaikan Al-Ghazali. This from studies result found that story Sang Kancil loaded with good value and lesson that were clarified. The story Kancil suitable to be read by children, beside help incorporate noble values in self of since children. This situation can form and make children who has moral value in themselves so that not to commit matter, that will damage themselves in the future. The story Sang Kancil also have many lesson to teaching a society to practice noble value. Therefore, good value in every children's story-book need moulded to be made as example. The story Sang Kancil also in accordance with Teori Kebaikan Al-Ghazali (Farabi,1961).

Keywords: The Various of Kindness Model by Al-Ghazali, The Good Values, Moral Values, Story's Sang Kancil,

¹ Atikah Mohd Noor, Calon Sarjana Sastera (Bahasa Melayu), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. atikah_77@gmail.com

² Sharil Nizam Sha'ri, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. sharil@upm.edu.com

³ Rohaidah Kamaruddin, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. rohaida_k@upm.edu.my

Pengenalan

Nilai murni dikaitkan dengan budi pekerti luhur dan akhlak mulia (Nik Azis Nik Pa, 1990). Nilai murni ialah nilai tara bagi menentukan perkara yang baik, tetap dan mulia yang berasaskan nilai-nilai yang dipegang dan diamalkan dalam sesebuah masyarakat terutamanya nilai kerohanian, nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan. Nilai murni bersifat sarwajagat dan diterima oleh semua agama dan masyarakat untuk dijadikan panduan dan pedoman bagi membolehkan individu, keluarga dan masyarakat mewujudkan kehidupan yang baik, adil dan sejahtera. Namun demikian, nilai murni ini mempunyai ciri subjektif.

Unsur subjektif ini adalah berdasarkan pengalaman, pandangan kepercayaan, perasaan dan keinginan. Oleh itu, pandangan dan kepercayaan berkaitan sesuatu nilai mungkin berbeza antara sesuatu kelompok masyarakat dengan masyarakat yang lain (Najeemah Md. Yusof, 2006). Di samping itu, nilai-nilai murni yang menjadi teras nilai Islam adalah nilai murni amanah, kejujuran, bertanggungjawab, rajin, ikhlas, tertib, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, tidak tamak, berpandangan jauh, bermoral dan menepati janji.

Nilai Islam adalah landasan utama bagi membentuk masyarakat Malaysia yang mempunyai asas-asas etika dan moral yang tinggi. Nilai Islam yang dipentingkan adalah nilai universal yang diterima dan sesuai dengan masyarakat Islam. Nilai ini bertujuan memperbaiki kelemahan dan kemunduran unsur-unsur Islam dalam masyarakat Malaysia.

Pada era globalisasi yang penuh cabaran ini, nilai murni perlu dipupuk dalam kalangan generasi muda Malaysia untuk menangkis nilai-nilai negatif yang merancuni dan menyeleweng pemikiran manusia daripada realiti kebudayaan, ekonomi dan politik sebagai langkah mempertahankan kewibawaannya.

Oleh hal yang demikian, masyarakat Malaysia perlu menanagi perubahan dan perkembangan nilai-nilai negatif dengan menguatkan nilai-nilai murni yang bersifat konservatif dan dinamik. Hasil kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd. Rahim (2014), membuktikan bahawa nilai-nilai murni yang terkandung dalam buku cerita rakyat Melayu, iaitu hormat-menghormati, tolong-menolong, muafakat, keberanian, kejujuran dan kasih sayang, yang didapati berjaya mempengaruhi tingkah laku positif kanak-kanak.

Namun begitu, nilai murni dalam cerita kanak-kanak tidak diberi signifikan kerana cerita ini sudah bertahun-tahun lamanya dan sukar untuk generasi muda khususnya kanak-kanak pada masa ini untuk memahami cerita tentang Sang Kancil, lagipun pendedahan cerita ini kepada mereka juga berkurangan. Stefanie Pillai (2018) mengatakan bahawa cerita tentang Sang Kancil ini memberikan nilai moral yang kita fahami dan tauladani selama ini.

Cerita ini tidak dianggap lucu, dan hendaklah serius untuk memastikan ia dikongsi untuk tatapan komuniti antarabangsa. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai murni yang terdapat dalam cerita Sang Kancil dengan menggunakan Teori Kebaikan Al-Ghazali.

Konsep Nilai Murni

Nilai murni ditakrifkan sebagai satu konsep asas untuk masyarakat mengukur atau membuat pilihan serta keputusan terhadap suatu perkara, darjat, mutu, kualiti, taraf perilaku dan benda mengenai seseorang atau kelompok orang sebagai baik, berharga dan bernilai (Noor Aina Dani, 2012).

Madison (1997) menyatakan bahawa Aristotle mengatakan nilai murni merupakan satu kebaikan iaitu melakukan sesuatu yang telah diciptakan untuk dilakukan dan melakukannya dengan cara terbaik kerana kebaikan ditemui pada orang yang seimbang jasmani dan rohaninya. Menurut Madison lagi, kebaikan terbahagi kepada dua jenis iaitu, kebaikan yang berkaitan dengan pemikiran dan kebaikan yang berkaitan dengan watak. Pemikiran dan perwatakan seseorang yang cemerlang akan membawa kepada kebaikan.

Seterusnya, Aristotle menegaskan bahawa kebaikan akan terhakis oleh sesuatu kekurangan atau kelebihan dan pada masa yang sama, kebaikan dapat dipelihara dengan cara menetapkan keseimbangan di antara kekurangan dan kelebihan.

Kebaikan menurut ajaran Aristotle bukanlah merupakan satu tabiat atau etos berdasarkan pernyataan Aristotle iaitu, "*Happiness is a being-at-work of the soul*". Aristotle berpegang kepada etika Nicomachian yang menyatakan bahawa manusia boleh hidup dengan harmoni dan dapat melakukan perkara yang baik-baik sahaja apabila mereka beroleh kebahagiaan.

Hal ini bermaksud kebahagiaan menjadi prasyarat bagi manusia untuk melakukan kebaikan. Melakukan kebaikan merupakan satu proses yang perlu dilakukan berulang-ulang kerana kebaikan merupakan satu keadaan di mana pemikiran dan tindakan yang positif diikuti dengan satu usaha untuk memberi perhatian serta menerima ajaran (Noor Aina Dani, 2012).

Teori Kebaikan Al-Ghazali

Teori Kebaikan Al-Ghazali merupakan teori yang relevan dikenal pasti untuk digunakan dalam menjalankan kajian ini, yang berdasarkan kepada Jadual 1 Empat Fakulti Kebaikan Utama Al-Ghazali (Farabi, 1961). Noor Aina Dani (2012) menyatakan bahawa dalam *Revival* dan *Criteria*, Al-Ghazali memulai perbincangan tentang kebaikan dengan ringkasan pengenalan setiap kebaikan yang diteliti dengan lebih terperinci.

Al-Ghazali menyatakan hanya terdapat empat kebaikan utama yang didasarkan pada analisis kejiwaan manusia iaitu kebijaksanaan, keberanian, kesederhanaan dan keadilan. Manakala, kebaikan-kebaikan yang lain termasuk di dalam setiap kebaikan utama tersebut mengikut hierarki umum dalam Jadual 1. Jadual 1 dipersembahkan untuk menerangkan sub kebaikan utama dan untuk menunjukkan catatan Al-Ghazali tentang kebaikan yang bersesuaian dengan falsafah Islam.

Jadual 1 Empat Fakulti Kebaikan Utama Al-Ghazali

| Kebijaksanaan | Keberanian | Kesederhanaan | Keadilan |
|-----------------------|-------------------|----------------------|-----------------|
| Budi bicara | Keagunan | Kesedaran | ----- |
| Kebolehan membezakan | Keberanian | Perasaan malu | ----- |
| Penerobosan pemikiran | Kebesaran jiwa | Pengampunan | ----- |

| | | | |
|--|------------------------------|--|-------|
| Kebenaran pendapat (Kesedaran tentang tindakan halus dan kejahatan jiwa yang tersembunyi) | Daya ketahanan | Kesabaran | ----- |
| | Kelembutan | Berbudi | ----- |
| | Kekuatan | Betul perhitungan | ----- |
| | Penyekat kemarahan | Kepuasan hati | ----- |
| | Penilaian sendiri yang betul | Menahan diri | ----- |
| | Keramahan | Kebahagiaan | ----- |
| | Kemuliaan | Kelembutan watak berdisiplin, penampilan bagus | ----- |
| | Kewiraan | Ketenangan | ----- |
| | | Urusan jujur | ----- |
| | | Soleh | ----- |
| | | Akal amarah | ----- |

(Sumber: Farabi, 1961)

Jadual 1 menunjukkan titik putus-putus dalam ruangan untuk kebaikan utama yang keempat, iaitu keadilan. Hal ini kerana adanya nafsu berahi dan keberangan manusia yang perlu diimbangi dengan kewarasan. Al-Ghazali menanggapi keadilan bukan sekadar 'kebaikan' tetapi juga 'keseluruhan kebaikan' kerana keadilan menyerlahkan kesempurnaan semua kebaikan yang lain, yang hanya tercapai apabila fakulti lain memenuhi subkebaikan masing-masing.

Al-Ghazali berpandangan bahawa keadilan mendatangkan keharmonian yang seterusnya menyediakan insan untuk kebaikan yang lebih unggul. Oleh pandangan keadilan sedemikian, Al-Ghazali tidak menyenaraikan sebarang kebaikan di bawah fakulti keadilan dan hanya inilah penjelasannya tentang subkeadilan serta lebih banyak ruang ditetapkan untuk kebaikan yang lain (Noor Aina Dani, 2012).

Menurut Al-Ghazali, kebaikan diperolehi melalui tiga cara iaitu, pembiasaan, pembelajaran dan kemurahan hati ilahi. Dua yang pertama mempunyai asas yang sama kerana mempelajari cara untuk menjadi soleh adalah satu bentuk pembiasaan. Namun begitu, mengikut Al-Ghazali terdapat sedikit kelainan antara pembiasaan dan pembelajaran kerana pembiasaan menimbulkan sikap positif terhadap agen kebaikan, sedangkan pembelajaran bergantung pada kuasa agen yang mengajar seseorang untuk bertindak soleh kerana orang itu tidak berusaha sepenuh hati untuk mencapai sesuatu matlamat. Al-Ghazali menyebut ayah dan guru kerohanian (Syeikh) sebagai contoh insan yang memiliki kuasa agen (Noor Aina Dani, 2012).

Seterusnya, cara ketiga untuk memperoleh kebaikan menerusi kemurahan hati ilahi ialah seperti limpah kurnia kebaikan ke atas manusia ketika lahir seperti kisah Nabi Muhammad S.A.W dan para nabi yang lain. Dalam erti kata yang lain, manusia dapat dianugerahi kebaikan dengan kemampuan khusus pemberian daripada ilahi tanpa pembiasaan atau latihan. Mereka yang kudus (awliya) disebut sebagai calon yang layak untuk menerima kurnia ilahi. Al-Ghazali juga percaya bahawa kebaikan yang disalurkan menerusi nikmat ilahi adalah yang paling sempurna dan pada masa yang sama, sesiapa yang mendapat yang memperoleh kebaikan melalui semua tiga cara tersebut tanpa penglibatan ilahi boleh menjadikan mereka orang yang paling berbudi luhur (Noor Aina Dani, 2012).

Aristotle menyatakan bahawa kebaikan yang dimiliki oleh manusia bukan berasal daripada alamiah tetapi melalui pembiasaan. Al-Ghazali mengubah konsep asal falsafah Aristotle dengan menegaskan bahawa kebaikan dapat diperolehi secara alamiah (*bi at-tab*) dengan memberi contoh kemungkinan seseorang dilahirkan dengan keluhuran budi, seperti yang tertulis dalam al-Quran mengikut tradisi kenabian.

Walau bagaimanapun, kudrat Ilahi mengikut Al-Ghazali ini bukannya kebaikan kurniaan yang biasa diberi kepada semua umat manusia kerana bimbingan Ilahi yang sedemikian tidak termasuk dalam tradisi. Hal ini disebabkan Al-Ghazali memperkenalkan kebaikan atas dasar ajaran agama, khususnya agama Islam (Noor Aina Dani, 2012).

Dapatan Kajian

1. Analisis Nilai Murni dan Pengajaran yang Terdapat dalam Cerita Sang Kancil

Cerita Sang Kancil telah lama dikenali oleh masyarakat. Hal ini demikian kerana Sang kancil merupakan satu-satunya yang mempunyai akal yang panjang. Sang Kancil menggunakan kepintarannya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi olehnya atau haiwan-haiwan yang lain.

Dalam cerita Sang Kancil ini terdapat unsur positif, iaitu nilai murni yang dapat dilihat melalui percakapan dan tindak tanduk Sang Kancil dalam menyelesaikan masalah. Pada hakikatnya, dapat dilihat melalui cerita Sang Kancil diselitkan dengan unsur nilai murni yang boleh dijadikan sebagai tauladan dan pengajaran kepada masyarakat.

Dalam kajian ini pengkaji mengkaji empat cerita Sang Kancil untuk membuktikan konsep nilai murni turut diterapkan dalam cerita Sang Kancil. Menurut Aripin Said (1996: 15) berpendapat bahawa, sastera rakyat atau cerita rakyat adalah sastera lisan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu daripada satu generasi ke satu generasi yang lain.

Nilai murni yang terpapar dalam setiap cerita rakyat itu penting kepada pembentukan moral dan akhlak kanak-kanak. Maka ia tidak harus digadaikan dengan apa-apa unsur yang dapat menghakis keaslian (Othman Puteh & Aripin Said, 2010). Oleh itu, nilai murni boleh mencerminkan masyarakat dan bangsa.

Kegiatan memperkasa dan memantapkan pemaparan nilai murni dalam cerita rakyat di negara ini mestilah berteraskan kepada asas dan teras budaya Melayu serta budaya bangsa kita yang kukuh. Justeru, cerita Sang Kancil dengan Buaya, Sang Kerbau, Sang Buaya dan Sang Kancil, Sang Monyet yang Degil, Harimau dengan Bayang-bayangnya yang dimuat turun daripada www.youtube.com adalah relevan menjadi data kajian.

2. Sang Kancil dengan Buaya

Unsur nilai murni dapat dilihat pada cerita Sang Kancil dengan Buaya, iaitu nilai kebijaksanaan dan nilai keberanian. Hal ini dapat dilihat sewaktu Sang Kancil menghadapi masalah menyeberangi sungai untuk mendapatkan buah-buahan di seberang sungai. Bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi olehnya, Sang Kancil terfikirkan satu cara yang baik dengan menggunakan akal yang panjang.

Sang Kancil menggunakan nama Raja Sulaiman untuk mendapatkan pertolongan daripada sekelompok Buaya yang terdapat di dalam sungai itu. Raja Sulaiman merupakan pemerintah sekalian haiwan-haiwan di dalam hutan. Oleh sebab buaya mendengar terdapat titah daripada Raja Sulaiman, semua buaya beratur untuk sedia dihitung oleh Sang Kancil. Di sini dapat dilihat kebijaksanaan dan keberanian Sang Kancil.

Nilai keberanian dapat dilihat pada Sang Kancil kerana Sang Kancil tidak ragu-ragu dalam mengambil tindakan dan berani menghadapi risiko yang tinggi jika Sang Buaya mengetahui tidak terdapat titah daripada Raja Sulaiman. Keberanian ialah sikap tidak ragu-ragu mengambil sesuatu tindakan walaupun dalam keadaan berbahaya dan berisiko tinggi (H.Aboebakar Atjeh, 1988:19). Keberanian memerlukan kebijaksanaan dan keupayaan memanipulasikan keadaan.

Nilai keberanian merupakan kesanggupan seseorang dalam menghadapi cabaran dan tentangan dengan penuh yakin serta berani menanggung risiko. Nilai keberanian ini terdapat dalam Jadual 1 Empat Fakulti Kebaikan Utama Al-Ghazali, keberanian ini dapat dilihat dalam watak Sang Kancil yang bersikap tidak ragu-ragu dalam mengambil tindakan dan berani menghadapi risiko dalam melaksanakan kehendak untuk mencapai tujuannya.

Oleh hal yang demikian, masyarakat dapat mengambil nilai keberanian dan menerapkan didalam diri agar berani menghadapi cabaran dan rintangan yang dihadapi dalam kehidupan tanpa berputus asa dan tidak menyerah kalah sebelum mencuba menyelesaikannya. Nilai ini sesuai diterapkan dalam diri anak-anak sejak dari kecil lagi agar berani menghadapi rintangan, yang pastinya akan menemui kejayaan dalam hidup walau sesukar mana sekali pun rintangan yang di duga oleh Allah S.W.T.

3. Sang Kerbau, Sang Buaya dan Sang Kancil

Sang Kerbau bernasib malang apabila digigit oleh Sang Buaya selepas menolong Sang Buaya daripada mati ditimpa oleh batang kayu. Namun, Sang Kerbau bernasib baik apabila Sang Kancil muncul untuk minum air di kawasan tersebut. Sang Kancil telah menjadi hakim dalam pergaduhan antara Sang Kerbau dengan Sang Buaya berkenaan dengan “berbuat baik dibalas baik”.

Bagi menolong Sang Kerbau daripada terus digigit kakinya oleh Sang Buaya, Sang Kancil telah meminta Sang Kerbau dan Sang Buaya melakonkan kejadian asalnya. Setelah sampai ke kejadian di mana Sang Buaya ditimpa batang kayu, Sang Kancil telah mengarahkan agar Sang Kerbau tidak mengangkat batang kayu itu. Keadaan ini telah menyelamatkan Sang Kerbau dimakan oleh Sang Buaya yang tidak mengenang jasa.

Jelaslah di sini bahawa kepintaran Sang Kancil dalam menghakimi kejadian tersebut telah membantu menyelamatkan Sang Kerbau. Sikap tolong-menolong ini wajar di contohi oleh setiap masyarakat.

Dalam cerita Sang Kerbau, Sang Buaya dan Sang Kancil dapat dilihat nilai murni seperti nilai tolong-menolong dan nilai keadilan telah digarapkan dalam cerita ini. Nilai tolong-menolong antara satu sama lain menjadikan masyarakat kuat dan teguh serta dapat menyelesaikan masalah dengan mudah. Islam telah menggariskan dalam Al-Quran kepentingan semangat tolong-menolong terutama sesama muslim Firman Allah yang bermaksud:

“Dan tolong-menolong kamu dalam kebajikan dan takwa, jangan kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.”

(Al-Maidah:2)

Sifat ini dapat dilihat pada watak Sang Kancil apabila Sang Kancil membantu Sang Kerbau menyelamatkan diri dari menjadi mangsa bahaman Sang Buaya. Oleh hal yang demikian, nilai tolong-menolong perlu diterapkan dalam diri anak-anak sejak dari kecil lagi kerana sikap sedemikian memberi makna yang besar kepada orang yang menerima pertolongan, dan pertolongan yang diberi hendaklah tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Keadilan dapat menghindari daripada berlaku zalim. Keadilan bukan sahaja dalam memberi hukuman yang tidak berat sebelah, tidak memilih bulu, malah tidak menyeleweng daripada kebenaran dalam segala urusan dan keadaan.

Keadilan merupakan sesuatu yang murni lagi halus kerana keadilan yang mutlak bersifat menyeluruh dan dilaksanakan tanpa tiada siapa pun terlepas daripadanya (Mohd Ali Hashimi, 2005). Dalam semua perkara setiap anggota masyarakat atau kumpulan wajar dilayan dengan saksama tanpa mengira perbezaan warna kulit, kepercayaan, jantina, ras dan asal usul. Setiap komuniti bertanggungjawab melaksanakan sistem pentadbiran, hukuman dan tidakan dengan penuh keadilan serta kejujuran (Muhammad Al-Buraey, 1985).

Allah telah berfirman tentang sifat adil ini:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan kebenaran kerana Allah menjadi saksi dengan adil. Dan jangan sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk berbuat tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu adalah lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

(Al-Maidah:8)

Kebijaksanaan Sang Kancil dalam menghakimi dan mengadili kejadian antara Sang Buaya dan Sang Kerbau telah menyelamatkan Sang Kerbau daripada menjadi mangsa Sang Buaya. Dalam Teori al-Ghazali menyatakan bahawa keadilan mendatangkan keharmonian, seterusnya menyediakan insan untuk kebaikan yang lebih unggul. Al-Ghazali turut menganggap keadilan bukan sekadar ‘kebaikan’ tetapi juga ‘keseluruhan kebaikan’ kerana keadilan menyerlahkan kesempurnaan semua kebaikan yang lain. Justeru, nilai ini penting untuk dipupuk dalam diri masyarakat supaya tidak timbul masalah ketidakadilan dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Dalam cerita ini juga dapat kita ambil pengajaran agar tidak berlaku zalim. Tambahan pula, perintah itu datang seiring dengan sifat Allah yang Maha Adil dan mengharamkan Zatnya daripada melakukan kezaliman.

Diriwayatkan dalam hadis yang bermaksud:

“Wahai hamba-Ku! Sesungguhnya Aku telah mengharamkan sifat kezaliman dalam ZatKu dan Aku juga mengharamkan sifat itu di kalangan kamu. Oleh itu, jangan kamu zalim menzalimi antara sesama kamu.”

(Hadis riwayat Muslim)

Sang Buaya tidak sepatutnya berlaku zalim terhadap Sang Kerbau kerana Sang Kerbau telah menolongnya daripada kecelakaan. Namun, disebabkan sifat Sang Kerbau yang tidak mengengang budi, Sang Kerbau telah mendapat balasan yang setimpal dengannya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa nilai murni keadilan dapatmenghidari daripada melakukan perbuatan yang zalim.

4. Sang Monyet yang Degil

Cerita ini mengisahkan kebaikan hati Sang Kancil dan Sang Kura-kura. Nilai baik hati menggariskan sifat belas kasihan, bertimbang rasa, murah hati, saling memahami, dan sedia memaafkan. Menurut Imam Habib Abdullah Haddad (1987:407), sifat belas kasihan merupakan salah satu kesempurnaan budi pekerti seseorang kerana orang yang tidak menaruh perasaan belas kasihan terhadap orang lain terutama yang susah, lemah dan miskin, adalah termasuk dalam golongan orang yang keras hati dan lemah imannya.

Sifat ini terangkum dalam kehidupan yang menuntut setiap individu atau kelompok masyarakat mengamalkannya untuk meringankan beban atau kesulitan yang ditanggungnya, di samping dapat menggembirakan orang lain.

Dalam cerita ini, Sang Monyet telah meminta ihsan dengan meminta makanan daripada Sang Kancil dan Sang Kura-kura. Sang Kancil dan Sang Kura-kura membenarkan Sang Monyet untuk mengambil sayur-sayuran dan buah-buahan di kebun tersebut. Disebabkan sifat tamak Sang Monyet telah menyebabkannya termakan cili yang pedas walaupun telah ditegah oleh Sang Kancil dan Sang Kura-kura.

Oleh itu, jika diperhatikan Sang Kancil dan Sang Kura-kura menunjukkan sifat baik hati kerana membenarkan Sang Monyet untuk mengambil buah-buahan dan sayur-sayuran di kebunnya. Sang Kancil dan Sang Kura-kura juga telah menegah Sang Monyet daripada memakan cili kerana bimbang akan kesan yang bakal dihadapi oleh Sang Monyet.

Dalam Jadual 1 terdapat nilai kesederhanaan, nilai ini terdapat dalam cerita Sang Monyet yang degil, yang memberi pengajaran agar menahan diri daripada bersifat tamak, dan bersederhana dalam segala perbuatan. Hal ini demikian kerana sifat tamak akan memakan diri. Sikap pasrah terhadap sifat tamak (rakus) tidak akan ada akhirnya apabila seseorang melepaskan tali kendali nafsu syahwatnya. Keadaan ini disebutkan dalam hadis:

“Sesungguhnya harta ini berwarna hijau serta manis, maka barangsiapa yang mengambilnya dengan kemurahan jiwa niscaya diberikan berkah baginya pada harta itu. Dan barangsiapa mengambilnya dengan nafsu serakah niscaya tidak diberikan berkah baginya pada harta itu, seperti orang yang makan dan tidak pernah kenyang.”

(Hadis al-Bukhari)

Sifat tamak yang berlebihan di dalam jiwa seseorang juga akan menyebabkan kerosakkan agamanya. Hal ini juga disebutkan dalam hadits:

“Tidak ada dua ekor serigala yang dilepas pada kambing lebih merusak baginya terhadap agamanya daripada sifat tamak seseorang terhadap harta dan kemuliaan.”

(Hadis at-Tirmidzi)

Oleh hal yang demikian, jelaslah menunjukkan bahawa kesederhanaan penting dalam kehidupan kerana kesederhanaan mampu mengatasi sifat tamak yang akan mendatangkan keburukan kepada diri pada masa hadapan.

5. Harimau dengan Bayang-bayangnya

Dalam cerita ini Sang Harimau ingin memakan Sang Kancil. Bagi menyelamatkan diri, Sang Kancil telah memerangkap Sang Harimau dengan mengatakan bahawa terdapat harimau yang lebih besar. Keadaan ini telah menyebabkan Sang Harimau telah naik marah dan ingin berjumpa dengan harimau tersebut. Sang Kancil telah membawa Sang Harimau ke sebuah kolam dan Sang Harimau telah melihat harimau yang telah diperkatakan oleh Sang Kancil.

Sang Harimau semakin marah melihat harimau itu, dan Sang Kancil telah menyuruh Sang Harimau untuk melawan harimau yang dilihat itu. Sang Harimau telah terjun ke dalam kolam dan mendapati bahawa harimau yang dilihatnya adalah bayang-bayangnya sendiri. Kelebihan kekuatan yang terdapat pada Sang Harimau telah menyebabkan Sang Kancil telah memberi pengajaran kepada Sang Harimau melalui tindakannya itu.

Sang Kancil telah mengambil tindakan yang bijak bagi menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa Sang harimau. Seperti yang terdapat dalam Jadual 1 yang menunjukkan nilai kebijaksanaan dan keberanian, dapat dilihat di sini bahawa Sang Kancil merupakan binatang yang bijaksana dan berani dalam menghadapi sesuatu masalah

Dalam cerita ini juga dapat diambil pengajaran agar tidak bersikap sombong. Sifat sombong yang terdapat pada watak Sang Harimau tidak wajar dicontohi kerana akan membawa kepada keburukan. Sifat sombong juga dibenci oleh Allah S.W.T.

Firman Allah:

“Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia (karena sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri.”

(Luqman:18)

“Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang menyombongkan diri.”

(An Nahl: 23)

Oleh hal yang demikian, sifat sombong dalam diri perlulah dielakkan kerana akan memakan diri sendiri dan sangat dibenci oleh Allah, dan nilai kebijaksanaan serta keberanian perlulah ada dalam diri masyarakat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi pada masa hadapan. Keberanian dalam menghadapi masalah akan menyerlahkan sikap kebijaksanaan yang terdapat dalam diri peribadi masyarakat dan dapat mengatasi sikap sombong yang mendatangkan kerugian kepada diri sendiri.

Kesimpulan

Cerita Sang Kancil sarat dengan nilai murni yang telah digarapkan serta bermotivasi untuk melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia. Antara nilai murni yang terdapat dalam cerita Sang Kancil ialah nilai kebijaksanaan, keberanian, tolong-menolong, keadilan, kesederhanaan dan baik hati, manakala pengajaran yang terdapat dalam cerita ini ialah jangan berlaku zalim dan jangan bersikap sombong dan jangan bersifat tamak.

Cerita Sang Kancil sesuai untuk dibaca oleh kanak-kanak di samping membantu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak sejak dari kecil lagi. Hal ini dapat membentuk dan menjadikan kanak-kanak yang mempunyai nilai akhlak dalam diri mereka agar tidak melakukan perkara yang akan merosakkan diri mereka pada masa hadapan. Situasi ini sesuai dengan peribahasa Melayu “Melentur buluh biarlah dari rebungunya”.

Cerita Sang Kancil juga banyak memberikan pengajaran kepada masyarakat agar mengamalkan nilai murni. Oleh itu, nilai murni dalam setiap buku cerita kanak-kanak perlulah diterapkan untuk dijadikan sebagai tauladan. Cerita Sang kancil juga selaras dengan Teori Kebaikan Al-Ghazali berdasarkan Jadul 1 Empat Fakulti Kebaikan Utama Al-Ghazali (Farabi,1961).

Rujukan

- Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2011). Pembentukan Emosi Kanak-kanak Melalui Bahan Bacaan Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 22*.
- Farabi (1961). *المدني فصول : Aphorisms of the Statesman*. ed. by D.M.Dunlop. Cambridge, England: University Press.
- H.AboebakarAtjeh. (1988). *Akhlak Dalam Islam*.Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd
- Hadis al-Bukhari dan Hadis at-Tirmidzi. (2012). Diambil daripada:
<http://abdillahalaziz.blogspot.com/2012/12/kemuliaan-sifat-qonaaah-dan-iffah.html>
- Hadis riwayat Muslim. (2011). Diambil daripada:
<http://rahmatquran.blogspot.com/2011/04/tafsir-ayat-adil-dalam-islam-bukan.html>
- Imam Habib Abdullah Haddad (1987:407). *Risalah Al- Mu'awanah*. Diambil daripada:
http://al-fanshuri.blogspot.my/2009_10_01_archive.html
- Madison, J. (1997). *Fostering Civic Virtue: Character Educational in The Social Studies*. Maryland USA: National Council for the Social Studies.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd. Rahim (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development Volume 2 Number 2, September : 74-85*.
- Muhammad Al-Buraey (1985). *Administrative Development* Kindle Edition , Taylor and Francis Group, London and New York.
- Muhammad Ali Al-Hashimi; Nasiruddin al-Khattab (translator) (2005). *The Ideal Muslim*:International Islamic Publishing House IIPH (Saudi Arabia) 4th Edition.
- Nik Azis Nik Pa. (1990). *Program Pendidikan Pelajar Pintar Cregas; Teori dan Praktik*. Kajang: Institut Pengajian Tinggi Ilmu-ilmu Islam.
- Noor Aina Dani & Sharil Nizam Sha'ri. (2012). *Nilai Murni dalam Cerita Jenaka*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Stefanie Pillai. (2017). Kumara Sabapatty. Kisah Sang Kancil dan Sang Buaya dalam 111 bahasa <http://malaysiagazette.com/v2/blog/2017/08/08/kisah-sang-kancil-dan-sang-buaya-dalam-111-bahasa/>.

- Othman Puteh & Aripin Said. (2011). *366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Rasm Uthmani. (2013). *Al-Quranul Kareem dan Terjemahannya : Surah Al-Maidah (Ayat 2)*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Rasm Uthmani. (2013). *Al-Quranul Kareem dan Terjemahannya : Surah Al-Maidah (Ayat 8)*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Rasm Uthmani. (2013). *Al-Quranul Kareem dan Terjemahannya : Surah Luqman (Ayat 18)*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Rasm Uthmani. (2013). *Al-Quranul Kareem dan Terjemahannya : Surah An Nahl (Ayat 23)*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.